

**KERTAS 3**

Kertas peperiksaan ini mengandungi satu **Tugasan Spesifik**. Anda hendaklah menjawab berdasarkan kerangka jawapan yang disediakan.

**TUGASAN SPESIFIK**

Sebelum Perang Dunia Kedua, hampir semua wilayah Asia Tenggara dikuasai oleh penjajah Barat kecuali Thailand. Belanda menguasai kepulauan Indonesia. British menguasai Burma (Myanmar), Semenanjung Tanah Melayu, Singapura, Sarawak dan Sabah. Amerika Syarikat merampas Filipina daripada Sepanyol. Perancis menguasai IndoChina. Portugis menduduki sebahagian pulau Timor-Timur.

Berdasarkan pernyataan di atas, anda dikehendaki menjawab soalan/tugasan berikut:

<b>Aspek</b>	<b>Soalan/Tugasan</b>	<b>Markah</b>
Pengenalan	1. Jelaskan konsep imperialisme.	5 markah
Isi dan Huraian	2. Mengapakah imperialisme berlaku di Asia Tenggara?  3. Bagaimakah penjajah Barat melaksanakan imperialisme?  4. Imperialisme menjadikan kehidupan masyarakat peribumi di Asia Tenggara. Buktikan kebenaran pernyataan tersebut.	20 markah 10 markah 10 markah
	5. Bagaimakah reaksi masyarakat peribumi Asia Tenggara terhadap imperialisme Barat?  6. Thailand bebas daripada imperialisme Barat. Benarkah pernyataan tersebut? Berikan penjelasan anda.	20 markah 10 markah
	7. Huraikan cabaran yang dihadapi oleh Asia Tenggara pada masa ini dalam mengekalkan kedaulatan dan cadangkan langkah untuk mengatasi cabaran tersebut.  8. Jelaskan iktibar yang diperoleh daripada kegiatan imperialisme kuasa Barat di Asia Tenggara.	10 markah 10 markah
Rumusan	9. Sediakan rumusan berdasarkan perkara berikut: (a) Pengetahuan yang diperoleh (b) Nilai patriotisme (c) Harapan untuk mengekalkan kedaulatan negara	5 markah